

MCA perlu berpegang kuat permuafakatan dalam BN

13 DEC 2002

ALOR STAR 12 Dis. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, MCA mesti berpegang kuat kepada permuafakatan dalam Barisan Nasional (BN) dan bukannya mengambil tindakan yang boleh merosakkan kerjasama tersebut.

Justeru, kata Abdullah, sebarang tindakan yang diambil oleh MCA perlu menjurus ke arah menyokong BN.

"Saya bersetuju dengan pandangan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kerana dalam muafakat BN, kita mesti berpegang kuat kepada kerjasama tersebut dan menjayakannya," kata Abdullah kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Kedah Maju 2010 di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Presiden UMNO mengulas kenyataan Dr. Mahathir selaku Pengerusi BN bahawa MCA tidak mendukung sistem kerjasama BN sekiranya enggan mematuhi pendirian parti dalam menangani isu dua wakil rakyatnya di Pulau Pinang.

Perdana Menteri semalam berkata, walaupun BN tidak boleh campur tangan hal ehwal dalaman MCA, tetapi BN berkuasa menentukan kedudukan parti-parti komponennya.

Kelmarin, Presiden MCA, Datuk Sri Dr. Ling Liong Sik berkata, BN tidak boleh mengenakan sebarang tindakan disiplin secara langsung terhadap mana-mana individu di dalam parti komponennya.

Ketika mengulas perkara yang sama Abdullah berkata, beliau percaya, kenyataan Dr. Mahathir semalam hendak membayangkan bahawa dua anggota Dewan Undangan BN dari MCA Pulau Pinang yang mengambil keputusan berkecuali ketika pengundian usul yang dibawa oleh DAP pada 21 Disember lalu, ialah wakil rakyat parti BN.

"Mereka mempunyai tanggungjawab untuk menyokong kerajaan BN, mereka bertanding di bawah panji-panji BN, mereka mendapat keputusan untuk bertanding atas tiket BN atas persetujuan Pengerusi BN," kata Abdullah.

Oleh itu, menurut beliau, kedua-dua mereka merupakan anggota kerajaan BN apabila mereka menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen.

"Dengan itu, menyokong parti BN adalah menjadi satu tugas dan tanggungjawab mereka," tegasnya.